

▼26/07/13-26MST
CNS0170
U GB 26-07 00185 BB963
AAB

Mahathir - EAEC
PM HARAP TIGA NEGARA TIDAK LENGAH BUAT KEPUTUSAN MENYERTAI EAEC

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap China, Jepun dan Korea Selatan tidak menggunakan tempoh lebih masa yang mereka minta semata-mata untuk mengelakkan daripada membuat keputusan menyertai Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

Perdana Menteri berkata, sebenarnya tiada masalah berhubung soal memberi lebih masa kepada mereka untuk mengadakan rundingan lanjut sebelum membuat keputusan menyertai perundingan itu.

"Tapi kita berharap ia bukan cara untuk mereka elak daripada membuat keputusan (menge-nai EAEC)," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Perayaan SeAbad Perkhidmatan Veterinar dan Industri Haiwan Malaysia, di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Dr Mahathir berkata demikian sebagai menqulas kenyataan Menteri Luar, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi di Bangkok semalam seperti yang dilaporkan sebuah akhbar tempatan bahawa ketiga-tiga negara itu mahu lebih masa untuk membuat cadangan tentang bagaimana kumpulan itu patut berfungsi sebelum membuat keputusan menyertainya.

"Kita sudah berkali-kali menjelaskan bahawa kita tidak ada niat buruk selain daripada untuk menjaga sistem perdagangan yang bebas," kata Dr Mahathir. -- Lagi.

▼26/07/14-19MST
U GB 26-07 00136 BB964
AAB

Mahathir - EAEC 2 Kuala Lumpur

"Kalau ada EAEC, kita boleh pertahankan sistem perdagangan bebas agar blok-blok dagangan lain tidak menggunakan kekuatan mereka untuk mengurus dagangan demi kepentingan mereka. Itu sahaja, bukan kita ada niat hendak buka blok perdagangan," katanya.

Beliau berkata, Malaysia akan terus memberi penjelasan kepada ketiga-tiga negara itu bagi menyakinkan mereka mengenai cadangan Malaysia tentang penubuhan EAEC yang sudahpun diterima Asean.

Dr Mahathir berkata, ada sesetengah pihak yang menolak dan sengaja berusaha untuk menghalang demokrasi dalam dunia ini.

Apabila ditanya mengenai pengaruh Amerika Syarikat dalam hal ini, beliau berkata, jelas sekali penentangan Amerika Syarikat (terhadap EAEC) yang membuat Jepun dan Korea Selatan tidak sanggup menerimanya.

Beliau berkata, Malaysia tidak akan mengenakan tempoh tertentu kepada ketiga-tiga negara itu untuk membuat keputusan. -- Lagi.

▼26/07/14-21MST
CNS0172
U GB 26-07 00089 BB965
AAB

Mahathir - EAEC 3 (Akhir) Kuala Lumpur

"Dagangan antara Asia telah meningkat 40 peratus. Kita jadi (negara) dagangan utama bagi Asia Timur sebab itu mereka harus beri pandangan serius terhadap usaha untuk menjaga kepentingan negara Asia Timur," katanya.

Dr Mahathir berkata, usaha untuk mengadakan kerjasama dengan empat negara lain di Asia Tenggara -- Myanmar, Laos, Kemboja dan Vietnam -- merupakan satu langkah yang baik sebab ia boleh kukuhkan Asean dan keputusan Asean yang melibatkan Asia Timur. -- Bernama.

JM KAM.